

Rampasan meningkat 103 peratus pada 2021, syabu paling banyak dibawa masuk

# Seludup dadah makin menjadi-jadi

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI

**KUALA LUMPUR** – Jumlah rampasan dadah di negara ini meningkat 103 peratus meskipun langkah sekatan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan bagi membendung wabak Covid-19 pada tahun lalu.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Razarudin Husain berkata, mengikut statistik Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), sebanyak 27,050 kilogram (kg) dadah bernilai RM951.69 juta dirampas pada 2021 berbanding 13,317kg pada tahun sebelumnya.

"Jumlah (rampasan) itu meningkat sebanyak 136 peratus berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak RM403.45 juta.

"Rampasan terbesar melibatkan dadah jenis syabu iaitu sebanyak 7,919kg diikuti ephedrine (5,573kg) dan ganja (3,232kg)," katanya kepada *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Selain itu, seramai 119,218 individu turut diberkas berkaitan kes dadah dalam tempoh sama.

Menurut Razarudin, rampasan dadah terbesar yang direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun lalu adalah di Johor dan Pulau Pinang.

Beliau memberitahu, ini ke-



**SEBAHAGIAN** dadah yang dirampas dalam serbuan ke atas dua buah stor dan makmal memproses bahan terlarang itu di Johor pada Januari tahun lalu.

rana dua negeri itu mempunyai pelabuhan terbesar yang menjadi transit keluar masuk barangan dari dalam dan luar negara sekali gus memberi peluang kepada sindiket untuk menyeludup dadah dalam kuantiti besar dengan menggunakan kontena.


"PDRM juga berjaya membongkar makmal dadah haram di kedua-dua negeri tersebut masing-masing tiga buah di Johor serta enam di Pulau Pinang.

"Di Johor, satu makmal yang menghasilkan dadah jenis erimin 5 berjaya dibongkarkan, manaka-

la dua lagi masing-masing ketamin dan heroin.

"Berbeza dengan makmal di Pulau Pinang, PDRM berjaya membongkarkan tiga makmal yang menghasilkan ekstasi, syabu dan heroin," ujarnya.

Dalam pada itu, Razarudin me-



**RAZARUDIN**

negaskan, sebanyak 279 sindiket dadah di seluruh negara berjaya ditumpaskan sepanjang tahun lalu termasuk diketuai golongan kenamaan (VIP) bergelar Datuk dan usahawan yang berselindung di sebalik perniagaan yang sah.

Tambah Razarudin, pihaknya merampas aset bernilai RM158,131,029 milik sindiket dadah disyaki hasil kegiatan haram tersebut.

"Kita sentiasa berusaha untuk memastikan kegiatan haram ini dibanteras dan akan memperhebatkan operasi serta risikan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan pihak berkuasa negara lain," ujarnya.